

Peniaga jangan jadi 'parasit'

Ketika dunia semakin berwaspada dengan penularan virus coronavirus, ada segelintir bersikap seperti 'menahan lukah di pergentingan'. Golongan ini gemar mengambil kesempatan dalam suasana gawat atau atas kesusahan orang lain.

Golongan sebegini pasti akan muncul ketika kita dalam kesusahan dan kehadiran mereka akan menambah keperitan yang perlu ditanggung. Dalam kes jangkitan coronavirus, peniaga tamak yang menaikkan harga topeng muka secara tidak munasabah adalah contoh terbaik. Mereka ibarat parasit - menyedut darah ketika kita semakin lemah.

Nasihat kita hentikan sikap tamak. Kalau tidak mampu membantu pun, jangan menyusahkan orang lain. Dalam hal ini kita percaya amaran dikeluarkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan tegas ke atas peniaga yang menaikkan harga topeng muka sesuka hati, sedikit sebanyak mewujudkan rasa gerun dan melegakan pengguna.

Namun, kemampuan pihak berkuasa terbatas. Peranan pengguna sebagai 'mata dan telinga' amat diperlukan, khususnya untuk menyalurkan aduan mengenai tindakan peniaga tamak. Saluran hotline 1-800-886-800 boleh diguna untuk membuat aduan. Apa yang penting, kita tidak mahu dek sikap tamak peniaga, orang awam akhirnya terdedah kepada risiko jangkitan yang boleh membawa maut.